

17 FEB 1998

Mahathir-Goh

DR MAHATHIR MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA GOH

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan kunjungan perpisahan terhadap rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong, yang akan pulang hari ini selepas lawatan kerja dua hari ke Malaysia.

Selepas kunjungan perpisahan itu, Dr Mahathir membawa Goh melawat stesen siaran satelit All-Asia Broadcasting Centre (Astro) di pinggir ibu negara dalam kereta Proton Putra.

Selepas melawat Astro, Goh akan pulang ke Singapura menggunakan jalan raya dan dijangka singgah di Melaka. Sebelum itu, Goh menerima kunjungan perpisahan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir dan Goh bertemu semalam, iaitu petemuan ketiga dalam tempoh sebulan bagi membincangkan isu-isu berhubung krisis ekonomi serantau dan cara-cara memperbaiki hubungan dua hala.

Satu pernyataan bersama dijangka dikeluarkan hari ini berhubung perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu pemberita selepas pertemuan itu yang hubungan antara kedua-dua negara telah "kembali seperti biasa" selepas ketegangan pada tahun lepas yang disebabkan oleh kenyataan Menteri Kanan republik itu Lee Kuan Yew mengenai kadar jenayah di Johor dengan Lee kemudiannya meminta maaf kerana kenyataannya itu.

Goh berkata, Malaysia dan Singapura kini berada dalam "laluan yang betul" untuk menjalin hubungan yang lebih baik dan para pegawai dari kedua-dua belah telah diarahkan meningkatkan lagi usaha untuk menyelesaikan perbezaan pendapat antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir dan Goh telah membincangkan tuntutan bertindih kedua-dua negara terhadap Pulau Batu Putih, di perairan Johor yang juga dikenali sebagai Pedra Branca di Singapura.

Mereka juga membincangkan perjanjian bekalan air yang baru bagi Singapura selepas kontrak yang ada sekarang ini tamat pada 2061 dan pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura.

Goh berkata, beliau telah mengadakan perbincangan yang bernas dengan Dr Mahathir bertumpu kepada krisis mata wang serantau dan cara-cara menstabilkan mata wang serantau yang nilainya turun naik dengan ketara terhadap dolar Amerika.

Goh berkata, Dr Mahathir menjelaskan kepada beliau mengenai idea penggunaan mata wang serantau bagi perdagangan di kalangan negara-negara Asean dan kedua-dua pemimpin itu telah meminta pegawai pusat kewangan masing-masing untuk meneliti perkara itu.

Kedua-dua pemimpin itu juga menyatakan kebimbangan mereka mengenai keadaan di Indonesia yang mana rusuhan dilaporkan di pelbagai tempat di negara itu kerana membantah kenaikan harga barangan makanan. -- BERNAMA

MAM TCL PR